

MODUL CEMERLANG UPSR

**BAHASA MELAYU
PEMAHAMAN**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan.

Soalan 1 – 18

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.




- 1 “Segala titah perintah tuanku akan _____ laksanakan,” sembah Tun Mutahir.
 A beta
 B patik
 C hamba
 D tuan hamba
- 2 Rakyat Malaysia digalakkan membeli barang _____ tempatan.
 A keluaran
 B pengeluaran
 C pengeluar
 D mengeluarkan
- 3 Encik Harith berjalan _____ kerana kakinya masih berbalut.
 A terhincut-hincut
 B tersengguk-sengguk
 C terlompat-lompat
 D tergagap-gagap
- 4 Maizatul _____ kerana baru pertama kali menaiki feri.
 A gunung payung
 B mabuk kepayang
 C lemah semangat
 D mabuk laut

Soalan 5 dan Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



- 5 Tuk Wan sedang membaca surat yang dikirimkan _____ cucunya.
- A oleh
 - B pada
 - C kepada
 - D daripada
- 6 Tuk Wan memakai cermin mata kerana dia _____.
- A rambang mata
 - B buta huruf
 - C rabun ayam
 - D mata duitan

Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah.



- 7 Kamal memelihara tiga _____ ikan emas di dalam akuarium.
- A ekor
 - B kawan
 - C pasukan
 - D pasang
- 8 Mangsa-mangsa bot _____ itu diselamatkan oleh nelayan.
- A gugur
 - B karam
 - C kandas
 - D roboh


Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah.



- 9 Pengarah Pelajaran Negeri Johor telah _____ bangunan baru itu.
- A merasmikan
 - B membubarkan
 - C menubuhkan
 - D memansuhkan
- 10 Kami tidak _____ mengenai pelantikan Pengerusi Kelab Bola Sepak itu.
- A kata-mengata
 - B tahu-menahu
 - C kenal-mengenal
 - D tuduh-menuduh
- 11 Abang tersentak _____ ibu mengetuk pintu biliknya.
- A apabila
 - B sebelum
 - C bahawa
 - D jika
- 12 “Apa _____ dayaku yang lemah ini untuk melawannya,” keluh lelaki itu.
- A lah
 - B pun
 - C juga
 - D kah
- 13 Fatin Nabihah dihormati oleh rakan-rakannya. _____, dia ketua pengawas yang berdedikasi.
- A Dengan itu
 - B Lebih-lebih lagi
 - C Oleh hal yang demikian
 - D Di samping itu

- 14 Marzuki memberi _____ peliharaannya makan sayur kangkung.
- A pepatan
 - B jejantik
 - C kekura
 - D lelabah
- 15 "Jangan bermain di _____ parit itu. Airnya dalam," pesan ibu kepada Izwan.
- A tengah
 - B luar
 - C tepi
 - D dalam
- 16 _____ deret kedai musnah dalam kebakaran di Jalan Pahang pagi tadi.
- A Setengah
 - B Sebahagian
 - C Beberapa
 - D Kedua

Soalan 17 berdasarkan gambar di bawah.



- 17 Harga _____ sayur bayam itu ialah RM1.00.
- A sebiji
 - B seikat
 - C sebatang
 - D segugus
- 18 Kelas tambahan secara percuma kepada calon UPSR itu dikendalikan oleh sekumpulan _____.
- A maharaja
 - B mahasiswa
 - C maharani
 - D mahaguru

- 19 Adik mendesak supaya ayah membelikannya kereta mainan itu.
Perkataan seerti bagi mendesak ialah
- A mengugut
 - B menggesa
 - C menghasut
 - D merayu
- 20 Daging ayam yang baru dikeluarkan dari peti sejuk itu masih beku.
Perkataan berlawan bagi beku ialah
- A likat
 - B lekat
 - C cair
 - D pekat

Soalan 21 – 22

Pilih ayat yang betul.

- 21
- A Eh, sombongnya setiausaha baru Encik Omar!
 - B Oh, rupa-rupanya kamulah yang menconteng buku saya!
 - C “Wah, bila kamu pulang dari Sabah!” tanya Mak Saripah kepada Khairil.
 - D Nah, comelnya anak saudara kamu, Siti!
- 22
- A Terdapat banyak pokok-pokok kelapa di situ.
 - B Aku makan dua biji roti canai pagi tadi.
 - C Dia tidak suka akan sup cendawan.
 - D Di bahu jalan kelihatan lebih indah.

Soalan 23 berdasarkan gambar di bawah.



- 23 Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya di atas.
- A Sejak belajar di sekolah rendah lagi saya minat memasak.
 - B Penglibatan saya dalam bidang masakan bermula sejak lima tahun yang lalu.
 - C Tidak lama lagi akan bersaralah saya daripada bidang masakan.
 - D Sepanjang yang saya ingat, sudah enam tahun saya bergiat dalam bidang masakan.

- 24 Pilih **ayat tanya** yang sesuai bagi ayat di bawah.
 Alam sekitar yang dipelihara dapat menjamin persekitaran dan udara yang bersih.
- A Apakah kebaikan alam sekitar kepada kita?
 - B Mengapakah alam sekitar perlu dipelihara?
 - C Bagaimanakah alam sekitar dapat dipelihara?
 - D Bilakah alam sekitar perlu dipelihara?

Soalan 25 - 26

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

- 25 Adi gembira mengikut Bahrim pulang ke kampungnya kerana dia berpeluang merasai cara kehidupan kaum nelayan.
- A Cara kehidupan kaum nelayan membuatkan Adi dan Bahrim gembira berada di kampungnya.
 - B Adi gembira kerana berpeluang merasai cara hidup nelayan apabila mengikut Bahrim pulang ke kampungnya.
 - C Adi gembira melihat kehidupan kaum nelayan di kampung Bahrim.
 - D Kaum nelayan berasa gembira mengikut Adi dan Bahrim pulang ke kampungnya.
- 26 Kami tidak kering gusi mendengar ceritanya yang lucu itu.
- A Gusi kami sentiasa kering kerana geli hati mendengar ceritanya itu.
 - B Ceritanya yang lucu itu benar-benar mencuit hati kami.
 - C Kami tidak henti-henti tertawa mendengar ceritanya yang lucu itu.
 - D Ceritanya yang lucu itu menyebabkan kami tertawa sepanjang masa.

Soalan 27 – 28

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **kata yang bergaris** dengan betul.

- 27
- I “Cerah betul cuaca pada hari ini,” kata Azli.
 - II Pemain yang berusia 19 tahun itu mempunyai masa depan yang cerah dalam sukan boling.
 - III Kulit Farisha lebih cerah daripada kulit kakaknya.
 - IV Air tasik itu kelihatan tenang dan cerah.
- A II dan III
 - B I, II, dan III
 - C II, III, dan IV
 - D I, II, III, dan IV
- 28
- I Shahril tidak pernah bercakap kasar dengan ibu bapanya.
 - II Pendapatan kasar Encik Jamal ialah RM1500 sebulan.
 - III Warganegara asing itu bekerja sebagai buruh kasar.
 - IV Hasil kerja tangannya agak kasar.
- A I, II, dan III C II, III, dan IV
 - B I, III, dan IV D I, II, III, dan IV

Soalan 29 dan Soalan 30

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 29**
- I Saya hendak menemukan Musalmah petang nanti.
 - II Cara Danish bercakap terlalu meninggi.
 - III Bayi itu sedang menyusu di pangkuan ibunya.
 - IV Diana sedang tidur semasa saya sampai di rumahnya.
- A** I dan II
B III dan IV
C I, II, dan III
D II, III, dan IV
- 30**
- I Semua guru-guru sedang bermesyuarat di bilik guru.
 - II Yang berbaju biru tua itu kakak ipar saya.
 - III Nenek sayang akan Shalin sepenuh-penuhnya.
 - IV Pihak polis bergegas ke tempat itu apabila menerima panggilan telefon.
- A** I dan III
B II dan IV
C I, II, dan III
D II, III, dan IV

Soalan 31 – 35

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Congkak adalah salah satu permainan tradisional yang masih popular hingga hari ini. Congkak berasal daripada kata congak, iaitu mengira. Permainan ini wujud sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Pada waktu itu, permainan congkak hanya dimainkan di istana. Oleh itu, congkak dianggap suatu permainan kelas atasan pada ketika itu.

Reka bentuk papan congkak seperti sampan sebenarnya telah direka oleh seorang nelayan. Mengikut ceritanya, nelayan tersebut tidak dapat turun ke laut kerana musim tengkujuh. Hal ini menyebabkan sumber rezekinya terjejas. Nelayan tersebut sering termenung memikirkan nasibnya. Untuk menghilangkan kebosanan dan untuk mengisi masa lapang, nelayan tersebut mendapat ilham membentuk papan congkak berdasarkan sampannya. Sekeping kayu dibentuk seperti sampan dan lubang-lubang ditebuk mengikut kreativitiya. Lubang-lubang itu digunakan untuk mengisi buah congkak.

Dalam permainan congkak, terdapat dua bahan utama, iaitu papan congkak dan buah congkak. Papan congkak dibuat daripada kayu manakala buah getah atau guli digunakan sebagai buah congkak. Terdapat enam atau tujuh lubang sebaris yang dikenal sebagai “kampung”. Di hujung baris lubang tersebut, terdapat satu lubang yang lebih besar yang dikenal sebagai “rumah”. Peranan “rumah” ialah tempat mengumpul buah congkak yang berjaya dikutip.

Dalam permainan congkak, pemain akan memulakan permainan serentak. Kedua-dua pemain akan mengambil buah congkak di baris lubang masing-masing dan memasukkan satu persatu buah congkak ke dalam setiap “kampung” menuju “rumah” masing-masing. Setiap pemain akan meneruskan permainan hingga kehabisan buah congkak. Kemenangan dikira mengikut jumlah buah congkak terbanyak di dalam “rumah” masing-masing.

- 31 Sejak bilakah permainan congkak diperkenalkan?
 - A pada zaman Kesultanan Melayu Melaka
 - B pada zaman batu
 - C pada zaman prasejarah
 - D pada zaman logam
- 32 Mengapakah reka bentuk papan congkak lebih menyerupai sampan?
 - A untuk memudahkan lubang ditebuk
 - B kerana permainan ini dicipta oleh nelayan
 - C kerana permainan ini direka pada musim hujan
 - D untuk memudahkan permainan dijalankan
- 33 “Rumah” berperanan sebagai...
 - A tempat tinggal pemain.
 - B ruang untuk mengumpul buah.
 - C lubang terkecil pada congkak.
 - D tempat untuk memulakan permainan.

- 34 Semua yang berikut **benar** tentang congkak, **kecuali**...
- A memerlukan dua orang pemain.
 - B ada 12 hingga 14 lubang pada papan congkak.
 - C buah congkak dibuat daripada kayu.
 - D setiap pemain mempunyai “kampung”.
- 35 Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk mempopularkan permainan congkak semula?
- A mewajibkan murid-murid mempelajari permainan congkak
 - B memperkenalkan permainan ini kepada pelancong asing
 - C menghidupkan permainan congkak semula menerusi kegiatan kokurikulum di sekolah
 - D menggalakkan peniaga menjual alat permainan ini di pasaran tempatan

Soalan 36 – 40

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

19 DISEMBER 2007

Aku dan ibu mengikut ayah ke Bumi Kenyalang. Ayah diberi tugas mengkaji kehidupan masyarakat Kelabit di Tanah Tinggi Bario. Kedatangan kami disambut dengan ramah oleh masyarakat tersebut. Kami turut dijamu dengan beraneka hidangan istimewa sebagai tanda menghormati tetamu.

Aku begitu tertarik melihat cuping telinga masyarakat Kelabit. Mereka memiliki cuping telinga yang memanjang hingga bahu. Hal ini demikian kerana amalan memakai anting-anting tembaga yang berat. Walau bagaimanapun, amalan itu kurang mendapat sambutan dalam kalangan generasi baru. Malah, mereka telah menukarkannya dengan anting-anting getah yang hanya dipakai ketika mereka menari tarian Datun Julud.

20 DISEMBER 2007

Suasana di Tanah Tinggi Bario pada waktu pagi begitu sejuk. Selepas sarapan, kami meninjau keindahan alam semula jadi tanah tinggi yang masih terpelihara itu. Menurut ketua kampung, tanah tinggi ini diberi jolokan Tanah Tinggi Kelabit kerana kawasan ini didiami masyarakat Kelabit sejak 500 tahun yang lalu. Masyarakat yang terkenal sebagai pemburu itu dipercayai berasal dari negara Brunei.

Kemudian, kami dibawa meninjau ke kawasan pertanian. Masyarakat itu mengerjakan sawah secara berkumpulan. Namun begitu, mereka menghadapi masalah untuk memasarkan hasil padi. Hal ini demikian kerana keadaan Tanah Tinggi Bario yang bergunung-ganang hanya dapat dihubungkan melalui udara. Oleh itu, mereka terpaksa memikul beras selama seminggu untuk sampai ke pekan.

36 Apakah keunikan masyarakat Kelabit?

- A mereka mampu memikul beras selama seminggu
- B mereka terkenal sebagai pemburu
- C mereka hanya berjalan kaki ke pekan
- D cuping telinga mereka memanjang hingga bahu

37 Bagaimanakah Tanah Tinggi Kelabit mendapat nama?

- A bentuknya seperti cuping telinga masyarakat Kelabit
- B tanah tinggi itu dihuni oleh masyarakat Kelabit
- C orang Kelabitlah yang meneroka tanah tinggi itu
- D tanah tinggi ini terletak di kawasan pergunungan

38 Masalah yang dihadapi oleh masyarakat Kelabit untuk memasarkan hasil tani mereka ialah...

- A kos penerbangan yang agak mahal.
- B hasil yang diperoleh kurang memuaskan.
- C keadaan geografinya yang bergunung-ganang.
- D tidak dapat berhubung dengan masyarakat luar.

39 Yang manakah yang **tidak benar** tentang masyarakat Kelabit?

- A Mereka mengerjakan tanah sawah secara berkumpulan.
- B Mereka amat mementingkan nilai-nilai kemasyarakatan.
- C Mereka tinggal di Tanah Tinggi Bario sejak 500 tahun yang lalu.
- D Mereka tidak lagi memakai anting-anting tembaga.

40 Semua yang berikut **benar** tentang catatan tadi, **kecuali**...

- A Tanah Tinggi Bario hanya dapat dihubungkan melalui laut.
- B masyarakat Kelabit memakai anting-anting getah ketika menari tarian Datun Julud.
- C masyarakat Kelabit memasarkan hasil padi mereka.
- D keindahan alam di Tanah Tinggi Kelabit masih terpelihara daripada pencemaran alam.

KERTAS SOALAN TAMAT